

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 APRIL 2015 (SELASA)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|-----|--|-------------------|
| 1 | Ancaman internet terhadap kanak-kanak | Berita Harian |
| 2 | Fahami remaja | Berita Harian |
| 3 | NanoMITE tepati kehendak pasaran antarabangsa | Berita Harian |
| 4 | Jangan buat spekulasi insiden letupan di Sibu Jaya, kata polis | Bernama.com |
| 5 | The 13 th Asia Pacific International | The Star |
| 6 | Thank You (Ads) | New Straits Times |

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 14 APRIL 2015 (SELASA)

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my



Risiko negatif memang ada, tetapi ia banyak bergantung kepada bagaimana cara untuk mengurangkan risiko apabila terdedah dengan internet”

Ola Jo Tendre,
Pengaruh dan Ketua
Tanggungjawab Sosial,
Kumpulan Telekom



“Internet berkembang dengan cukup pantas. Apatah lagi corak ‘jenayah’ di internet juga sudah semakin canggih dan berubah teknik dalam mencari mangsa”

Philip Ling,
Ketua Kelestarian Digi

D ata Bank Dunia menganggarkan seramai 176 juta kanak-kanak menggunakan internet menjelang tahun 2017, iaitu peningkatan sebanyak 55 juta berbanding 121 juta dicatatkan pada tahun ini.

Kajian dilakukan di 12 negara termasuk Malaysia, menunjukkan, daripada jumlah itu 85 juta kanak-kanak dijangka menggunakan peranti elektronik apabila berhubung buat kali pertama di internet.

Peningkatan itu menecut kelembangan terhadap isu keselamatan kanak-kanak sewaktu melayari alam maya, seperti kemungkinan menjadi mangsa buli siber, penipuan serta pendedahan pornografi kanak-kanak.

Apatah lagi, kajian dilakukan EU Kids Online, sebanyak 50 peratus atau 35 juta kanak-kanak mungkin pernah berhadapan risiko siber, manakala sebanyak 21 peratus atau 14 juta berhadapan risiko pendedahan terhadap isu kandungan laman web yang berbahaya atau memudaratik.

Lima hingga enam juta kanak-kanak berkepentingan, secara sedar atau tidak, melanggar atau memenuhi standar perkhidmatan, ditawarkan di internet serta berpotensi untuk dijadikan subjek pendedahan maklumat peribadi oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Kendali risiko
Peringkat dan Ketua Tanggungjawab Sosial, Kumpulan Telekom, Ola Jo Tendre, berkata sama ada kanak-kanak berkenaan pasif atau aktif internet, tetapi ada risikonya.

Bagaimanapun, katanya, risiko itu boleh dikurangkan dengan mengambil langkah menangani termasuk melengkapi persian dengan aplikasi tapisan, selain banyak bercakap dan berbincang dengan anak mengenai aspek keselamatan sewaktu melayari laman web.

Mempelihara kesan negatif diawar internet, mungkin ramai ibu bapa tidak berseputu mendedahkan anak mereka terhadap internet.

“Bagaimanapun, saya fikir untuk belajar menangani sesuatu, kita tidak boleh takut, sebaliknya belajar untuk menangani risiko. Seperti mula-mula naik basikal, risikonya jatuh, tetapi apabila kita tahu bagaimana menangani basikal, risiko jatuh semakin berkurangan.”

“Ia sama dengan aktiviti melayari internet. Risiko negatif memang ada, tetapi ia banyak bergantung kepada bagaimana cara untuk mengurangkan risiko apabila terdedah dengan internet.

“Sebagai contoh apabila seseorang tidak dikenali memperba anak anda, beritahu anak anda, bagaimana untuk mengelakkan diri daripada tertipu atau Oswald manusia individu tidak dikenali ini, mungkin memiliki nilai tidak baik. Bolehaklah dengan anak anda mengenai internet kerana itu adalah sebahagian daripada proses membinaan diri di internet,” katanya.

Beliau ditemui selepas membincang

Ancaman internet terhadap kanak-kanak



» Ibu bapa perlu tahu ilmu teknologi maklumat, pantau kegiatan anak, elak jadi mangsa buli siber



canggih mengenai Tanggungjawab Digital, baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Kestarian Digi, Philip Ling, Presiden bersatu Pengasuh Berdaftar, Datuk H Wong dan Duta Digi, Iyad Zakiyah mal, 16 serta Firdaus Ab Aziz, 16.

Sekarang 20 tahun lalu, Telekom banyakk menjalin hubungan dengan syarikat telekomunikasi di 12 negara termasuk Malaysia, India dan Sweden. Di Malaysia Telekom bekerjasama dengan pengendali telekomunikasi Digi yang menjurus

kepada keselamatan alam siber.

Kendali internet dengan bijak
Ola berkata, dalam keadaan hari ini, sukar untuk mengelak menggunaan internet kerana ia memberi banyak manfaat dari segi pendidikan

dan sosial.

Cuma, ibu bapa dan pihak sekolah sepatutnya beroperasi membantu mengurangkan risiko dengan membentangkan mengenai internet khususnya daripada keselamatan bersama anak.

“Suka atau tidak, dunia digital memerlukan kemahiran digital. Justeru, kita tidak dapat menolak hakikat supaya ibu bapa membiasakan diri dengan internet dan mengetahui ‘perangkap’ yang mungkin menggunakan internet sebagai topeng dalam mencari mangsa.

“Antara yang membimbangkan ialah mengenai pornografi kanak-kanak. Baru-baru ini, kita bekerjasama dengan pihak polis untuk menyekat suatu laman pornografi daripada menerobos internet.

“Namun, ia tidak berakhir di situ kerana mustuh ini sentiasa mencari jalan, bagaimana untuk terus merjerat mangsa. Di sini lah pentingnya orang dewasa ambil tahu dan bagaimana menerangkan hal berkaitan kepada kanak-kanak,” katanya.

Badihan mangsa

Sementara itu, Ling berkata, kesedaran mengenai keselamatan di alam siber sudah lama dilakukan. Digi, malah program Cyber SAFE in Schools di Suruhanjaya Muzikasi dan Multimedia (SKMM), Cyberjaya,



memberi manfaat kepada lebih 35,000 pelajar daripada 70 sekolah di seluruh negara dengan melalui 450 guru teknologi maklumat dan komunikasi.

“Usaha itu akan terus diperluaskan berdasarkan kejadian kebangsaan 2014. Laporan Cyber SAFE in Schools 2014 yang dilakukan ke atas 14,000 pelajar sekolah, yang terlibat dalam program Cyber SAFE in Schools, mendapat 40 peratus pelajar, tidak mengetahui bahawa mana mereka boleh melindungi diri sewaktu melayari internet, dengan 81 peratus mengakui terdedah dengan risiko disebabkan langkah perlindungan minimum.”

“Malangnya, dalam aspek cam-pur langan orang dewasa, sebanyak 50 responden mengakui, tidak diselia ketika melayari internet, dengan hampir 40 peratus mengatakan mereka tidak dikawal oleh sebarang peraturan keselamatan,” katanya.

Memperlihatkan hasil kajian itu, Ling berkata, semua pihak perlu mengambil langkah segera mempertimbangkan aspek keselamatan di internet.

“Internet berkembang dengan cukup pantas. Apatah lagi corak ‘jenayah’ di internet juga sudah semakin canggih dan berubah teknik dalam mencari mangsa.

“Saya memberi contoh di laman sembahang antara lelaki dengan kanak-kanak. Lebih-lebih lagi, sejaknya kerana ibu bapa kanak-kanak berkenaan untuk berkenaan ‘tidak’, justeru, lelaki ini akan bermain psikologi atau reverse psychology dengan pertanyaan memikat, seperti ‘apa yang awak suka?’.

“Dalam hal ini, menerusi program pendidikan, kita fokus mengajar apa yang kanak-kanak mahu tahu mengenai internet dan masyarakat bagaimana menangani risiko dengan bijak.”

“Ibu bapa perlu tahu dan belajar mengenai internet supaya dapat memastikan rentak anak mereka.” Katanya yang menjelaskan, tugas berkemasan membekalkan ramai pihak dan ibu bapa adalah ‘guru’ pertama yang seharusnya mendidik anak.



Pergerak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Mohamed Sharif Tarmizi (dengar) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Digi, Lors Noring (dua dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Cybersecurity Malaysia, Dr. Abdul Wahab (dua dari kanan) pada Majlis Pelancaran Cyber SAFE in Schools di Suruhanjaya Muzikasi dan Multimedia (SKMM), Cyberjaya.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 14 APRIL 2015 (SELASA)**



Josie Chong menunjukkan laporan Cyber SAFE in School.

Fahami remaja

Bagi Duta Digi CyberSafe, Iyad Zakiy Amal dan Firdaus Ab Aziz masing-masing berusia 16 tahun, mereka sependapat menegaskan supaya ibu bapa atau pihak sekolah boleh berbicara secara terbuka mengenai internet.

Pelajar Sekolah Menengah Datuk Abdul Razak, Seremban, Iyad Zakiy, berkata kadangkala beliau tidak begitu jelas atau tidak mempunyai maklumat mengenai cara yang selamat melayari internet.

Utama keselamatan
"Ramai ibu bapa memberi had masa melayari internet, tetapi tidak menyentuh aspek keselamatan, sedangkan inilah perkara paling mustahak," katanya.

Iyad Zakiy berkata, daripada perbincangan dengan rakan remaja, mereka mendapati, ada dua jenis ibu bapa iaitu yang terlalu memberikan kebebasan kepada anak untuk melayari internet dan yang terlalu tutup mengenai internet yang

mungkin mengehadkan jam tertentu melayari internet dalam seminggu.

"Daripada pemerhatian kami, anak yang terlalu bebas didedahkan dengan internet tidak bagus kerana ia mungkin mengehadkan interaksi dengan rakan sebaya, namun bagi yang terlalu sedikit pendedahan dengan internet menjadikannya remaja berkenaan tidak tahu banyak perkara atau ketinggalan banyak maklumat terkini," katanya.

Ibu bapa patut pantau
Bagi Firdaus, pendedahan mengenai internet perlu dilakukan sejak kecil, tetapi perlu dipantau ibu bapa kerana sebagai manusia, sebebas mana pun maklumat, mesti ada kawalan kendiri, termasuk tidak melayari laman lucah, berjudi dan sebagainya.

"Laman sebegini mudah dicapai, tetapi saya tidak mahu ia menjadi situasi normal untuk kita kunjungi kerana ia tidak bagus," katanya.



Laman lucah dan berjudi mudah dicapai, tetapi saya tidak mahu ia menjadi situasi normal untuk kita kunjungi kerana ia tidak bagus"

**Firdaus Ab Aziz,
Duta Digi CyberSafe**

Anak yang terlalu bebas didedahkan dengan internet tidak bagus
kerana ia mungkin mengehadkan interaksi dengan rakan sebaya"

**Iyad Zakiy Amal,
Duta Digi CyberSafe**

NanoMITe tepati kehendak pasaran antarabangsa

Kuala Lumpur: Institut Teknologi Inovasi NanoMalaysia (NanoMITe) yang dilancarkan semalam diyakini memacu hasil penyelidikan berasaskan Nano yang mempunyai nilai komersial tinggi, sekali gus menepati kehendak pasaran tempatan dan antarabangsa.

Penubuhan institut yang bercirikan konsortium dengan menghimpunkan lebih 38 saintis terkemuka teknologi Nano itu dijangka menyumbang kira-kira RM17 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) menjelang 2020.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata tujuan itu kerajaan dan

lima universiti awam (UA) akan menyumbang RM25 juta dalam bentuk Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) untuk tempoh lima tahun kepada NanoMITe.

"Daripada jumlah itu, Kementerian Pendidikan akan salurkan RM12.5 juta, manakala bakinya daripada Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)," katanya pada sidang media selepas melancarkan NanoMITe di UTM, Jalan Semarak di sini, semalam.

Kajian impak tinggi

Geran itu akan digunakan oleh NanoMITe bagi menjalankan pelbagai kajian impak tinggi, sebelum dipasarkan oleh NanoMalaysia Berhad.

Idris berkata, kelima-lima UA itu akan mengetuai penyelidikan mengikut program yang ditentukan, seperti UTM berkaitan fungsi teknologi Nano dalam tenaga, UM (penjagaan kesihatan, perubatan dan kesejahteraan), UPM (agrikultur dan makanan), UKM (sistem elektronik dan peranti) serta USM (alam sekitar).

"Dengan adanya institut ini, kerajaan menyasarkan hasil penyelidikan teknologi Nano

meningkat secara berperingkat, berbanding kadar purata komersial ketika ini hanya kira-kira dua peratus," katanya.

Terdahulu, beliau menyaksikan majlis memeterai memorandum perjanjian strategik di antara UM dan Universiti Harvard, dalam usaha mengukuhkan pertukaran teknologi serta idea berkaitan penyelidikan Nano di Malaysia.

Yang turut hadir, Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Mohd Amin Jalaludin; Naib Canselor UTN, Profesor Datuk Dr Wahid Omar dan Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Idris berkata, penubuhan NanoMITe juga selari dengan agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi, PPPM (PT) 2015-2025 untuk mewujudkan ekosistem inovasi supaya hasil kajian mereka boleh berdaya saing pada peringkat global.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 14 APRIL 2015 (SELASA)



Jangan Buat Spekulasi Insiden Letupan Di Sibu Jaya, Kata Polis

SIBU, 13 April (Bernama) -- Polis meminta kerjasama orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi berhubung insiden letupan yang mengakibatkan kerosakan di sebuah pangsapuri empat tingkat di Sibu Jaya dekat sini, awal Sabtu lepas.

Ketua Polis Daerah Sibu, ACP Mohd Kamal Kordi berkata orang ramai tidak harus mencetuskan ketakutan dalam kalangan penduduk tetapi membiarkan polis dan pihak berkuasa relevan menyiasat insiden itu.

"Kami tidak akan menyembunyikan sebarang fakta dan maklumat berhubung insiden ini dan biarkan kami menjalankan tugas," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Spekulasi timbul dalam kalangan orang awam selepas kehadiran pasukan penyiasat diketuai oleh Timbalan Pengarah, Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi, Bukit Aman, ACP Muhammad Koey Abdullah.

Adalah dispekulasikan bahawa kejadian itu disebabkan oleh bahan letupan.

"Kes ini di bawah siasatan Bahagian Siasatan Jenayah Sibu. Kami meminta bantuan Bahagian Persenjataan Bukit Aman (Unit Pemusnah Bom) untuk menyiasat dari sudut lain.

"Kami turut meminta bantuan Jabatan Kimia supaya tidak ada apa-apa yang tertinggal dalam siasatan ini," kata Mohd Kamal.

Menurut siasatan awal, punca kejadian dipercayai akibat kebocoran gas.

Kejadian pada pukul 2.48 pagi itu menyebabkan bumbung sebuah unit rumah dan enam dinding di dua tingkat HDC Terrace Garden itu runtuh, menyebabkan lebih 12 penghuni mengalami kecederaan.

Atas soal keselamatan, Majlis Daerah Luar Bandar Sibu telah menutup pangsapuri itu buat sementara, menyebabkan sejumlah 38 keluarga ditempatkan di Dewan Serbaguna Sibu Jaya manakala sembilan lagi keluarga tinggal bersama saudara masing-masing.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
THE STAR (NATIONAL) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 14 APRIL 2015 (SELASA)**



The 13th Asia Pacific International Honesty Enterprise Keris Award 2014

The 13th Asia Pacific International Honesty Enterprise Keris Award 2014

Berjaya Times Square Hotel & Convention Centre, Kuala Lumpur, 09 March 2015

Congratulations

Honesty Enterprise



3rd times Winner
Nino
Nino Tours & Travel Sdn. Bhd. (712581-K)

2nd times Winner
ZHANG JIA
Zhang Jia Birdnest Sdn. Bhd. (795716-T)

eHE
eHE Century Sdn. Bhd. (934013-P)

Global EduHub
Global Eduhub Pte. Ltd. (181008188P)

GOLDEN STATES
Golden States Group Holdings Pte. Ltd. (198105811C)

GRAND SUMERDEKA
Grand Mendaka Development Sdn. Bhd. (262850-X)

INTECH KITCHEN
Intech Kitchen Sdn. Bhd. (980958-D)

iPI-IAN
iPI-IAN Global Intelligent Sdn. Bhd. (103102270N)

JPL
JPL Interior Sdn. Bhd. (J846307-H)

MARIN
Marin GRP Resources Sdn. Bhd. (984642-M)

IPON
IPON Total Funeral Services Sdn. Bhd. (999484-P)

Prestige Atlantic Asia
Sdn. Bhd. (799226-U)

R.Heng
R.Heng Wooden Furniture Industries Sdn. Bhd. (90193-M)

S.T.B.
Santichai Techno-Brigade Berhad (961928-P)

OPTION
深圳七聚国际投资管理有限公司 (4403010704184)

Shangri-La
Shangri-La Hotel (Singapore) Limited (1592300026198)

Skyland Adventure
Skyland Adventure (Borneo) Sdn. Bhd. (869711-M)

SM
SM Healthcare Sdn. Bhd. (880511-X)

SOUPER TANG
Souper Tang Restaurant Group Sdn. Bhd. (Formerly known as YS Master Sdn. Bhd.) (199165H)

U MATRIK
U Matrik Worldwide Sdn. Bhd. (270863-X)

Y.B. Datuk Dr. Ewon Bin Ebin
Minister of Science, Technology And Innovation Malaysia

Honesty Entrepreneur



3rd times Winner
T.L.T.
Data' Seri D' Raja Dr. Jeremy Tan Kai Teck Managing Partner T.L.T. Enterprise (P)10494/P)

Honesty Product



4th times Winner
NANO MEDITRON
Nano Meditron G Enterprise (002396247-E)

Senator H.E Chhit Kim Yeat
Vice Chairman Of Commission On Foreign Affairs, International Cooperation, Media And Information, Kingdom Of Cambodia

insulflex*
Mr. Andy Kuan Teck Hian Managing Director Mr. Sien Kiong Fatt Executive Director Insulflex Corporation Sdn. Bhd. (1743287-M)

2nd times Winner
ZHANG JIA
Zhang Jia Birdnest Sdn. Bhd. (795716-V)

H.E. Dr. Doan Thanh No
Prime Minister Advisor, Socialist Republic Of Vietnam

Daily Express
Datuk Chua Soon Ping General Manager Nanyaya Sdn. Bhd. (199722-P)

D'Style
Mrs. Nancy Loh Executive Director D'Style Sdn. Bhd. (1032273-V)

Datuk Yen Chang
Sathish Publishing House Sdn. Bhd. (35792-P)

ECO
Eco Care Products Sdn. Bhd. (940369-K)

Madam Wong Nyet Siew
Malin Wong Nyet Siew Known as Mrs. Nancy Lee

CLIN
Cleansum Industries Sdn. Bhd. (475485-M)

D'Infinite
Destina 1 Worldwide Berhad (1043795-V)

UENDAK
Lien Dak Development Sdn. Bhd. (967944-P)

U MATRIK
U Matrik Worldwide Sdn. Bhd. (270863-X)

Main Organiser:
APB
Asia Pacific Top Excellence Brand Committee

International Secretariat Office:

| | |
|---|----------------------------------|
| CHINA Sichuan : +86-288 6798 236 | BRUNEI : +673-266 3828 |
| Guangxi : +86-159 9437 3933 | MALAYSIA : +603-8071 5952 |
| Guangdong : +86-139 0224 0737 | SINGAPORE : +65-6293 9662 |

ITALY : +39-338881 2341

Website : www.HonestyAward.asia
Email : info@honestyaward.asia














KERATAN AKHBAR TEMPATAN
NEW STRAITS TIMES : MUKA SURAT 12
TARIKH: 14 APRIL 2015 (SELASA)



THANK YOU

FOR THE SUPPORT ON OUR SUCCESSFUL LISTING ON THE ACE MARKET
OF BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD
ON 14 APRIL 2015



Board of Directors

| | |
|---|--|
| Tan Sri Abdul Rahman Bin Mamat (Chairman) | Tan Sri Dato' Dr Syed Jalaludin Syed Salim |
| William Hon Tian Kok (Managing Director) | Dato' Norhalim Yunus |
| Dato' Sri Syed Zainal Abidin | Dato' Rosely Samsuri |
| Ho Tze Hiung | Dr Nik Ismail Nik Daud |
| Mohd Nasir Bin Abdullah | |

Stakeholders

| | |
|---|--|
| Malaysian Technology Development Corporation ("MTDC") | Perbadanan Nasional Berhad ("PNS") |
| Malaysian Biotechnology Corporation ("MBC") | National Co-operative Movement of Malaysia ("ANGKASA") |